

Bil. 30

Selasa

10 November 2020



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## KAMAR KHAS

*Special Chamber*

PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA

## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Status Liputan Internet Khususnya di Sabah, Sarawak  
Dan Kawasan Pedalaman di Semenanjung Malaysia**  
- *YB. Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim (Arau)* (Halaman 1)
- **Dasar Kerajaan Mengenai UEC**  
- *YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)* (Halaman 4)

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 10 November 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.00 tengah hari**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Status Liputan Internet di Negara Ini Khususnya Di Sabah dan Sarawak  
Serta Kawasan Pedalaman Di Semenanjung Malaysia**

**12.04 tgh.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau akan mencadangkan bahawa Dewan Rakyat menggesa kerajaan supaya menjelaskan mengenai status liputan internet di negara ini khususnya di Sabah dan Sarawak serta kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia.

Status liputan internet di Malaysia memperlihatkan jurang liputan internet di bandar dan juga luar bandar sangat ketara. Liputan internet di luar bandar adalah paling membimbangkan terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak kerana capaian liputan internet sangat tidak memuaskan.

Pelaksanaan pengajian atas talian secara penuh oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memberi cabaran kepada pelajar khususnya di kawasan yang mempunyai capaian liputan internet yang sederhana dan ke bawahnya. Oleh hal yang demikian, kerajaan diharap dapat memandang berat kepada langkah penyelesaian masalah ini bagi memastikan pelajar-pelajar dapat menyesuaikan diri dengan keadaan norma kehidupan baru. Juga kalau boleh bagi penjelasan juga tentang peruntukan sebanyak RM85 juta kepada JASA. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**12.06 tgh.**

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

sehingga suku kedua 2020, kadar liputan jalur lebar mudah alih 4G di kawasan berpenduduk nasional berada pada tahap 92.03 peratus, manakala Sabah berada pada tahap 73.41 peratus dan di Sarawak berada pada tahap 73.67 peratus. Sementara itu bagi kadar liputan jalur lebar mudah alih 3G di kawasan berpenduduk nasional adalah pada tahap 95.32 peratus, di Sabah berada pada tahap 84.07 peratus dan Sarawak berada pada tahap 84.62 peratus.

Menyedari jurang yang wujud antara peringkat nasional dengan Sabah dan Sarawak, kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah cara membolehkan rakyat terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak dapat menikmati akses-akses kepada perkhidmatan jalur lebar..

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan, penjelasan. Apa maksud pelbagai teknologi sebab yang kita tahu untuk kerajaan memberi liputan kepada internet dia kena belanja duit. Jadi pelbagai teknologi ini adakah tidak memerlukan perbelanjaan ataupun akan dibelanjakan daripada peruntukan kerajaan ataupun daripada syarikat yang berkenaan.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Okey, untuk pengetahuan Yang Berhormat, pelbagai teknologi ini dia ada dua cara. Pertama sekali, kita tambah menara dan keduanya kadang-kadang menara itu ada menara tetapi pemancarnya kurang baik. Jadi pemancar ini ada pelbagai teknologi pemancar di mana sambungan kekuatan pemancar dan ini juga melibatkan peruntukan tetapi peruntukan ini tidak besar seperti peruntukan membuat pemancar.

Ketiganya, ada pelbagai teknologi di antaranya Telco contohnya Digi dengan juga Celcom. Digi lemah, Celcom lemah dikombinasikan, maknanya untuk bagi kekuatan. Di antara yang lain adalah teknologi satelit di mana teknologinya menggunakan satelit di sesetengah kawasan yang tidak ada *line* digunakan satelit atau kawasan berbukit-bukau atau sebagai. Akan tetapi ini seperti mana kita katakan tadi ada hujan dan sebagainya...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan lagi tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak bolehlah, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak tahu *standing order* mana.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya sudah terlanjur sudah tetapi saya tanya teruslah. Bilakah akan disiapkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, tidak bolehkah karang pergi makan tengah hari sekalikah?

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** *[Ketawa]*. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Jangan lupa ajak saya ya.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Akan tetapi secara ringkasnya dalam Fasa Pertama kini telah bermula sehingga tahun ini penambahbaikan 4.95 juta premis kepada 7.5 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan tinggi. Perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91 peratus kepada 96 peratus di kawasan yang berpenduduk serta mempertingkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih.

Pelan JENDELA juga melibatkan penamatan perkhidmatan 3G berperingkat sehingga akhir tahun 2021 untuk mengoptimumkan penggunaan spektrum bagi pemantapan rangkaian teknologi 4G.

Bagi negeri Sabah, bagi meluaskan rangkaian gentian optik, sebanyak 190,115 premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan jalur lebar talian tetap berkelajuan *gigabit*, manakala untuk perkhidmatan jalur lebar mudah alih pula penempatan 425 menara baharu akan dibina dan sebanyak 2,202 alat pemancar komunikasi sedia ada akan di naik taraf.

Bagi Sabah dan Sarawak untuk meluaskan rangkaian gentian optik sebanyak 53,371 premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan berkelajuan *gigabit* dan untuk perkhidmatan jalur lebar mudah alih pula jumlah 652 baharu akan dibina manakala 241 alat pemancar telekomunikasi sedia ada akan di naik taraf kepada 4G.

Untuk makluman Yang Berhormat, cuma yang ini yang penting sekali ini bermakna sekarang ini kita lihat apa penerangan yang kita bagi ini tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat tidak keluar lagi projek. Banyak projek yang diberi tidak keluar lagi. Itu yang kita rasa kalau Yang Berhormat rasakan perlu jadi kita akan panggil Ahli-ahli Parlimen yang mana kawasan-kawasannya yang masih merayu dan sudah lapan bulan masih tidak ada apa-apa dilakukan oleh MCMC maka kita akan buat rayuan sekali lagi supaya mempercepatkanlah maknanya projek-projek di kawasan tersebut untuk di baik pulih ataupun ditambah projek.

#### ■1210

Oleh sebab itu, seperti kita lihat sekarang kita tidak tahu bagaimana. Jadi saya pun bagi pihak Menteri pun tidak tahu kerana projek tidak keluar lagi. Fasal apa tidak keluar sekarang ini sudah lapan bulan sudah cerita buat ini menara buat, semua buat tetapi projek tidak keluar. Saya sudah tanya kepada MCMC suruh bagi laporan kepada saya berapa projek yang sudah keluar, belum dapat lagi. Jadi itu untuk pengetahuan Yang Berhormat, yang itu yang penting sekali.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh jumpa esok?

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Boleh, boleh. Okey, terima kasih. Pergi minum kopi seperti mana kata Yang Berhormat Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan, Setiausaha.

## Dasar Kerajaan Mengenai UEC

### 12.10 tgh.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, isu yang ingin saya utarakan pada hari ini adalah mengenai Dasar Kerajaan Perikatan Nasional terhadap Sijil Peperiksaan Bersepadu ataupun yang lebih dikenali sebagai UEC.

Dalam sesi Mesyuarat Parlimen yang lepas, sebenarnya saya telah mengemukakan suatu soalan jawab lisan mengenai perkara ini. Tujuan saya membawa isu ini ke Kamar Khas pada hari ini adalah untuk memberi sedikit *response* terhadap jawapan yang telah diberikan dan juga pada masa yang sama meminta penjelasan lanjut daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Perkara pertama adalah mengenai laporan oleh Pasukan Petugas Dasar UEC atau dikenali sebagai PPDUEC. Menurut jawapan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, jawatankuasa ini masih belum menyerahkan laporan UEC mereka kepada kerajaan dan keanggotaan PPDUEC ini pula telah tamat secara automatik pada 29 Februari 2020. Oleh itu, KPM menyatakan tiada hasil kajian yang dapat diperhalusi dan diteliti.

Saya juga ingin merujuk kepada kenyataan oleh Encik Eddin Khoo, iaitu Pengerusi kepada Jawatankuasa PPDUEC di mana pada 20 Julai 2020, beliau menyatakan bahawa laporan tersebut telah siap dan PPDUEC sedang menunggu masa untuk mengemukakannya kepada kerajaan dan pada 12 September 2020, beliau sekali lagi berkata laporan tersebut sedia untuk dikemukakan pada akhir September tahun ini. Maka saya ingin memohon penjelasan mengenai perkara berikut:

- (i) Adakah kerajaan sekarang iaitu Kerajaan Perikatan Nasional mengiktiraf peranan PPDUEC?;
- (ii) Apakah perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap PPDUEC dan juga laporan mereka? Adakah ia akan dibiarkan sahaja ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia telah menghubungi PPDUEC untuk mengemukakan laporan tersebut atau adakah Encik Eddin Khoo telah menghubungi Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai perkara in?

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin mohon penjelasan ialah mengenai dasar Kerajaan Perikatan Nasional terhadap UEC. Secara khususnya, soalan saya adalah sama ada kerajaan bersetuju untuk mengiktiraf UEC sebagai salah satu daripada syarat kemasukan ke IPTA.

Sebenarnya soalan ini telah saya bangkitkan dalam soalan jawab lisan saya pada sesi Mesyuarat yang lepas tetapi bahagian tersebut tidak dijawab dan soalan yang sama sebenarnya telah ditanya oleh beberapa Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Antaranya ialah Yang Berhormat Cha Chee Kin (Ahli Parlimen Rasah) pada 27 Julai, Yang Berhormat Senator Raj Murni pada 22 September 2020 dan juga Yang Berhormat Senator Profesor Emeritus Ibrahim Shah pada 8 September 2020.

Kesemua Ahli Parlimen ini termasuk saya, bertanya mengenai dasar kerajaan dalam pengiktirafan UEC tetapi jawapan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah jawapan yang sama iaitu hanya mengenai PPDUEC dan tidak menyatakan kedudukan kerajaan dalam isu ini.

Maka saya ingin menjelaskan bahawa soalan ini tidak berkaitan dengan PPDUEC tetapi kami ingin mengetahui dengan jelas apakah dasar dan kedudukan Kerajaan Perikatan Nasional sekarang terhadap pengiktirafan UEC. Saya memohon kerjasama daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjawab soalan ini secara khusus. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**12.17 tgh.**

**Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* Salam Sejahtera, selamat tengah hari. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka dan KPM ingin memberi penjelasan kepada perkara yang dibangkitkan itu iaitu dasar kerajaan mengenai UEC.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat menghormati hasrat penubuhan Pasukan Petugas Dasar Unified Examination Certificate (PPDUEC) oleh kerajaan terdahulu dan pelantikan serta mandat yang diberikan kepada anggota PPDUEC dalam usaha untuk merungkai isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), isu pengiktirafan universiti ini merupakan satu daripada janji dalam manifesto Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum yang ke-14 yang lalu.

KPM juga mengambil maklum akan proses libat urus yang telah dilakukan oleh anggota PPDUEC sebagai satu Jawatankuasa Khas yang bebas dalam mengumpul

maklumat dan pandangan daripada pelbagai pemegang taruh dalam pendidikan mengenai isu UEC seperti tokoh pendidikan, pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan, universiti awam dan swasta, agensi kerajaan dan parti politik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa menghubungi anggota PPDUEC daripada semasa ke semasa khususnya Encik Eddin Khoo Bu Eng, Pengerusi PPDUEC untuk mengetahui perkembangan dan status kemajuan laporan ini walaupun keanggotaan PPDUEC telah pun tamat secara automatik pada 29 Februari 2020 sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi.

Pihak KPM juga telah dimaklumkan oleh Pengerusi PPDUEC bahawa draf akhir laporan tersebut telah disediakan. Menghormati kewibawaan anggota PPDUEC dan menyedari bahawa isu mengenai PPDUEC adalah suatu isu yang rumit dan sensitif di kalangan rakyat Malaysia yang telah pun berlarutan selama hampir 45 tahun, KPM tidak pernah mendesak supaya penyediaan laporan tersebut dipercepatkan.

Hal ini bagi mengelakkan isu mengenai UEC menjadi bahan perdebatan dalam kalangan khalayak umum. Walau bagaimanapun, isu mengenai pengiktirafan UEC dihangatkan kembali oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati proses penyediaan laporan ini pada bulan Julai 2020 melalui media massa dan media sosial.

Sebagai contoh yang pertama Tuan Yang di-Pertua, laporan media massa dan media sosial mengenai kenyataan pemimpin Persekutuan Persatuan Cina Malaysia Hua Zong menyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengiktiraf sijil UEC dalam pertemuan mereka dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16 Julai 2020.

#### ■1220

Kedua, laporan portal berita pada talian *Malaysiakini* yang menyatakan bahawa, “PMO: Muhyiddin tidak kata akan iktiraf UEC” bertarikh 19 Julai 2020 dan yang ketiga berkaitan kenyataan media mengenai isu pengiktirafan UEC oleh Pejabat Perdana Menteri bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menyatakan akan mengiktiraf UEC bertarikh pada 19 Julai 2020.

Selain itu Pengerusi PPDUEC juga telah muncul dan ditemu bual oleh pihak Astro Awani dalam Rancangan *Consider This*, di bawah tajuk, “UEC – Hurdles To Recognition”. Inti pati rancangan tersebut adalah mendapatkan pandangan beliau mengenai proses penyediaan laporan dan cadangan yang dikemukakan.

Bagi mendapatkan penjelasan hal berbangkit mengenai UEC serta status kemajuan laporan PPDUEC, pihak pengurusan tertinggi KPM (Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia) telah mengadakan pertemuan dengan Pengerusi PPDUEC pada 28 Julai 2020. Dalam pertemuan tersebut, pihak KPM sekali lagi dimaklumkan bahawa laporan PPDUEC telah tersedia.



Namun, laporan ini yang ditulis oleh Pengerusi PPDUEC secara keseluruhannya, masih memerlukan penambahan maklumat bagi memperjelaskan beberapa perkara berbangkit mengenai UEC secara tuntas. Antaranya adalah mengkaji isu mengenai UEC dari sudut perundangan. Semua anggota PPDUEC juga telah bersetuju dan menetapkan pendirian atas beberapa perkara utama yang dibincangkan dalam laporan ini secara konsensus. Hal ini amat penting bagi menentusahkan syor-syor yang dikemukakan serta mengelakkan pertembungan pendapat antara anggota PPDUEC pada masa hadapan. Untuk itu, Jawatankuasa Khas ini akan mengadakan pertemuan antara mereka dalam masa terdekat.

Pada 17 Ogos 2020, pihak KPM telah dimohon untuk menguruskan pertemuan antara anggota PPDUEC bagi melihat kerangka laporan PPDUEC dan memperjelaskan beberapa perkara berbangkit mengenai UEC secara komprehensif. Malangnya, pertemuan ini terpaksa ditangguhkan akibat keadaan kesihatan Pengerusi PPDUEC yang tidak mengizinkan selepas pulang daripada urusan rasmi di Sabah. Pihak hospital telah menasihatkan beliau agar kekal di rumah untuk menjalani kuarantin memandangkan berkaitan dengan wabak Covid-19 kini.

Pada 17 September 2020, PPDUEC telah mengadakan pertemuan untuk membuat semakan ke atas kerangka laporan dan bersetuju untuk memberikan maklum balas atas beberapa perkara yang masih dianggap tidak jelas. Anggota PPDUEC, iaitu Encik Mohamad Raimi Ab Rahim dan Datuk Tan Yew Sing telah dimohon memberikan maklum balas atau maklumat dan pandangan akhir secara bertulis. Maklum balas mereka akan diselaraskan semula dan dimasukkan ke dalam draf akhir laporan PPDUEC oleh Pengerusi PPDUEC.

Susulan daripada itu, anggota PPDUEC kemudiannya akan mengadakan pertemuan kali kedua untuk memuktamadkan kandungan laporan. Tarikh perbincangan akhir ini akan ditetapkan oleh anggota PPDUEC dan belum dimaklumkan lagi kepada pihak KPM. Laporan yang telah diperkemas ini nanti kemudiannya akan diserahkan kepada pihak KPM.

Selepas 17 September 2020, pihak KPM juga telah dihubungi oleh anggota PPDUEC untuk mendapatkan maklumat lanjut dan dokumen berkaitan hal-hal yang bersangkutan dengan UEC. Dokumen yang dimohon telah dibekalkan oleh KPM kepada anggota PPDUEC bagi melancarkan proses penyediaan laporan tersebut. Pihak KPM belum lagi dimaklumkan mengenai tarikh perbincangan akhir akan diadakan untuk membantu PPDUEC dari segi keurusetiaan sesi perbincangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini KPM tidak pernah menerima sebarang laporan awal, draf laporan atau laporan lengkap daripada PPDUEC, sepertimana yang ditetapkan semasa pelantikan dibuat. Oleh yang demikian, tiada sebarang hasil kajian dapat diperhalusi dan diteliti oleh KPM. KPM akan

mengambil tindakan sewajarnya terhadap laporan tersebut sekiranya ia diserahkan kepada KPM.

Sehingga kini juga, kerajaan dan KPM kekal tidak mengiktiraf UEC. UEC perlu mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan sekiranya mahu dipertimbangkan penyelesaiannya oleh kerajaan pada masa hadapan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih kepada semua Ahli- Yang Berhormat. Dengan itu tamatlah sesi ucapan di bawah usul berkenaan perkara tadbir kerajaan Peraturan Mesyuarat 17 pada hari ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Rabu, 11 November 2020. Terima kasih.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 12.25 petang]***